

Jenis Akhbar : Sinar Harian Online

Tarikh : 01/10/2024

Edisi / Muka Surat : <https://www.sinarharian.com.my>

Tajuk : ANGKASA bantu penjenamaan semula koperasi vanila

Angkasa bantu penjenamaan semula koperasi vanila



Abdul Fattah (tengah) melihat tanaman vanila yang diusahakan Mohamad Feisal (kanan).

ANGKATAN Koperasi Berhad Kebangsaan (Angkasa) akan membantu dalam penjenamaan semula koperasi vanila di negeri ini yang ditubuhkan sejak 2020.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu akan dilakukan menerusi pembangunan perniagaan susulan potensi, kualiti dan pulangan tinggi tanaman tersebut di negara ini.

Menurutnya, Angkasa bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan memperkasakan semula koperasi berkenaan.



Kualiti tinggi vanila serta potensi tinggi tanaman itu di Malaysia yang perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.

“Langkah ini untuk memastikan pengeluaran vanila dalam negara dapat memenuhi keperluan dalam negara.

“Malaysia antara negara pengimport vanila dan sebagai contoh pada 2022, negara ini mengimport dari seluruh dunia bernilai kira-kira 243 juta dolar,” katanya dalam sidang akhbar di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengerusi Angkasa Pahang Zon II Pahang Tengah, Mohamad Hanifah BK Koya Moideen Kutty; Pengerusi Pengurus Besar Kanan Kumpulan Hubungan Strategik Angkasa, Dr Salmah Ishak dan Pengerusi Koperasi Vanila Berhad Temerloh, Mohamad Feisal Mohd Norawi.



Abdul Fattah (kanan) ketika meninjau ladang vanila yang diusahakan Mohamad Feisal (kiri) di Temerloh pada Isnin.

Ujar Abdul Fattah, penjenamaan semula ini akan memperluaskan skop aktiviti termasuk menyediakan bahan dan menguruskan tanaman, latihan kepada bakal pengusaha serta menguruskan tanaman vanila.

“Dalam masa sama, kita akan membeli balik hasil vanila dari ahli-ahli koperasi sama ada dalam bentuk mentah atau yang diproses.

“Kita percaya langkah ini dapat membantu lebih ramai mereka yang berminat untuk terlibat dalam penanaman dan dalam masa sama dapat memperkasakan industri vanila di negara ini,” tambahnya.

Jelasnya, dalam mesyuarat akan datang, skop keahlian akan dibuka kepada seluruh negara memandangkan sebelum ini ia terhad di negeri itu.